

## Ketirisan Budaya: Dampak terhadap alam sekitar dan manusia

*Cultural Deprivation: Its impact on the environment and man*

**Katiman Rostam**

*Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutaran, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
e-mel: katiman@ukm.my*

---

### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan perubahan budaya yang mendampak alam dan kehidupan manusia hari ini dengan rujukan khas kepada Malaysia. Budaya manusia sebagai satu cara hidup telah mengalami perubahan yang pesat sejak satu kurun kebelakangan ini. Perubahan itu mendampak kepada persekitaran fizikal dan sosial. Entropi dan daya tampung persekitaran fizikal semakin menyusut. Kebelakangan ini risiko penyusutan entropi itu dipindahkan ke persekitaran sosial manusia. Perubahan ini dipacu oleh proses globalisasi ekonomi melalui k-economy dalam sektor perkhidmatan. Degradasi alam sekitar dan sosial kini sudah menjadi isu global. Negara membangun sedang mengalami perubahan tersebut. Di Malaysia isu ini semakin ketara. Walaupun dampak alam sekitar semakin terkawal tetapi bukti belum cukup tuntas dan menyeluruh. Alam sekitar di negara ini umumnya masih terancam. Lebih mengkhawatirkan lagi adalah status sosial masyarakat negara ini yang kian merudum dan pada tahap yang cukup kritis. Kualiti hidup masyarakat negara ini semakin merosot akibat meningkatnya kes jenayah, degradasi moral dan keruntuhan institusi keluarga. Peluang untuk memperbaiki budaya masyarakat negara ini masih ada. Namun laluan kejayaannya terletak di atas keupayaan masyarakat hari ini untuk menerima pendekatan pembangunan baru yang berasaskan amalan memakmurkan alam dan memartabatkan budaya. Generasi baru perlu dibina di atas tapak budaya yang sihat serta mampu mendokong dan merealisasikan pendekatan tersebut.

### **Kata Kunci**

perubahan budaya, entropi, degradasi alam sekitar, impak sosial, kualiti hidup, pendekatan baru

### **Abstract**

The present article aims to discuss cultural changes and their impacts on physical environment and human life today with special reference to Malaysia. Human culture as a way of life has undergone a rapid change since the last century and its impacts on the physical and human social environments have been inevitable. Entropy and caring capacity of our physical environmental system has declined. Recently the risk has been shifted onto human social environment. Such a shift has been rapidly driven by the process of economic globalisation via k-economy in service

sectors. Environmental and social degradation has now become a global issue. In Malaysia, these issues have become more apparent. Although the environmental impacts have now been steadily under control, nonetheless evidences are not complete and holistic. Generally, the nation's physical environment, although is not critical, is endangered. Even more perturbing is the degradation of the social status of Malaysian society at a level that can be considered as critical. The quality of life of people of this country has been declining as a result of the prevailing incidences of crime, moral decay and collapse of family institutions. Opportunity to reinstate the nation's culture is always open. However, trajectory of success is very much dependent upon acceptance of the society of the new developmental approach which is based on the practice of environmental and cultural appreciations. The new generations need to be raised upon a healthy human culture which are capable of supporting and realizing the approach.

### **Keywords**

cultural change, entropy, environmental degradation, social impacts, quality of life, new approaches

---

## **Pengenalan**

Konsep budaya yang mula digunakan di Eropah seawal abad ke-18, pada asasnya merujuk kepada proses perubahan dan pemberian dalam konteks pembangunan masyarakat, misalnya kemajuan dalam sektor pertanian. Pada pertengahan abad ke-19 para saintis Barat menggunakan pakai konsep budaya dalam konteks keupayaan manusia sejagat memperbaiki diri sendiri dan masyarakat. Georg Simmel, seorang ahli Sosiologi Jerman abad ke-19 menggunakan konsep budaya sebagai pembinaan sahsiah diri seseorang individu melalui agensi bersifat luaran yang disengajakan (Levine, 1971). Pada abad ke-20, konsep budaya menjadi sinonim pula dengan bidang antropologi. Konsep ini merujuk kepada semua fenomena tentang keupayaan manusia untuk melakukan perubahan yang bukan berpunca daripada faktor keturunan (genetik). Dalam hal ini, keupayaan manusia dikaitkan dengan kebolehan manusia membuat perubahan dan menterjemahkan pengalaman yang mereka lalui ke dalam bentuk norma dan juga simbol serta bertindak secara kreatif untuk merubah diri dan masyarakat di sekitarnya di pelbagai kawasan dunia. Selepas Perang Dunia Kedua, konsep budaya terus berkembang. Ahli antropologi dan sosiologi Barat merujuk budaya sebagai cara hidup. Konsep ini kemudiannya diterimaknai oleh ahli geografi. Para pelopor bidang pengajian budaya pula merujuk konsep budaya sebagai perlakuan kepenggunaan barang dan perkhidmatan. Kini konsep perubahan budaya yang merujuk kepada proses perubahan cara hidup (Kottak, 2004) akibat pelbagai faktor seperti pertumbuhan penduduk yang pesat, perdagangan antarabangsa, penemuan teknologi baru khususnya dalam bidang teknologi maklumat, menjadi satu daripada penunjuk penting kepada kemajuan tamadun manusia.

Budaya sebagai satu cara hidup lazimnya berasaskan kepada amalan serta tradisi sosial yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Amalan tradisi lazimnya dipandu oleh

hukum seperti yang termaktub dalam institusi (khususnya agama, sistem kepercayaan dan adat) yang disampaikan secara oral dan melalui literatur (kitab suci, buku dan karya lain), juga melalui para nabi dan rasul atau pembawa kepercayaan agama atau ideologi berkenaan. Kemudian budaya tersebut digubah melalui penemuan idea, pengetahuan, kaedah dan teknologi baru yang meresap ke dalam masyarakat. Institusi agama, sistem kepercayaan atau adat menjadi teras kepada pembinaan budaya sesebuah masyarakat. Namun, institusi sosial lain, ekonomi, politik dan sebagainya turut menyumbang kepada pembentukan budaya sesebuah masyarakat. Literatur pula adalah ekspresi yang halus tentang pengalaman manusia mencorakkan perubahan budaya sesebuah masyarakat. Perubahan tersebut disuburkan lagi melalui penemuan idea, perkembangan ilmu pengetahuan moden dan inovasi dalam teknologi pengeluaran dan penggunaan. Lazimnya ekspresi tersebut dilakar dalam bentuk karya bertulis dan disebarluaskan dalam masyarakat dari semasa ke semasa.

Setiap satu elemen teras budaya adalah perlombagaan atau kanun yang mengandungi peraturan hukum agama, kepercayaan, adat dan norma yang mendasari institusi sosial lain. Selain itu, elemen ekonomi, politik, pengetahuan dan teknologi moden juga bertindak dan saling bersaing untuk mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat. Manusia bebas untuk memilih elemen teras yang sesuai untuk dijadikan panduan hidupnya. Jika elemen institusi (agama) yang adil dan literatur yang sihat yang dijadikan pegangan hidup seseorang individu maka kehidupan individu tersebut cenderung untuk lebih seimbang. Namun, manusia juga bebas untuk tidak memilih elemen institusi yang adil dan literatur yang sihat sebagai pegangan hidupnya. Malah manusia juga bebas untuk tidak memilih mana-mana elemen institusi sebaliknya menjadikan elemen pengetahuan (maklumat) moden dan inovasi teknologi dalam pengeluaran atau penggunaan yang berteraskan kemegahan kebendaan semata-mata sebagai acuan pembentukan budaya atau cara hidupnya. Namun, kebanyakan elemen kebendaan tersebut tidak membantu menjuruskan manusia kepada kehidupan yang seimbang. Tanpa panduan institusi agama, misalnya bagi penganut Islam, literatur yang sihat khususnya al-Quran, hadith, rekod tentang ijmak para ulamak muktabar, pola kehidupan manusia boleh menjadi kacau akibat amalan budaya yang celaru. Kecelaruan ini akhirnya menjelaskan kesejahteraan alam dan manusia lain.

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini terdapat tanda yang cukup jelas yang menunjukkan bahawa budaya manusia sudah mulai tiris, kritikal, melebihi batas dan setengahnya melampau. Ketirisan budaya ini tidak pernah berlaku sebelumnya. Budaya pasca moden ini cenderung untuk meninggalkan paksi keinstitusian yang adil (agama) dan literatur yang sihat. Pola budaya kehidupan pasca moden kini cenderung untuk semata-mata dipandu dan dipacu oleh elemen kebendaan berasaskan kemajuan pengetahuan dan teknologi pengeluaran serta penggunaan yang bebas dan rakus di samping bermotifkan keselesaan yang melampaui batas. Kemaraan budaya yang melampaui batas ini mengekang sama sekali proses pembinaan budaya mulia yang sihat. Hal tersebut sama ada secara sedar atau tidak, telah mengikis dan merobek sifat asal budaya itu sendiri sehingga teras budaya tersebut mengalami ketirisan. Ketirisan

ini amat membimbangkan kerana dampaknya kepada alam dan manusia sendiri semakin parah. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk mengupas isu tersebut.

### **Isu ketirisan budaya yang mendampak alam sekitar dan kehidupan manusia**

Alam sekitar fizikal dan pelbagai bentuk hidupan termasuk manusia secara fitrahnya wujud dalam keadaan yang harmoni dan seimbang, saling tidak memusnah dan dimusnahkan. Alam sekitar fizikal dalam pengertian ekologi digelar komponen abiotik dan manusia iaitu sebahagian daripada organisma yang hidup digelar komponen biotik. Kedua-duanya wujud dalam ekosistem. Alam sekitar fizikal (abiotik) terdiri daripada elemen atmosfera, litosfera dan hidrosfera. Organisma (biotik) pula terdiri daripada flora dan fauna yang pelbagai jenis, tahap hierarki, spesies, fungsi yang masing-masing hidup dalam koloni dan komuniti masing-masing. Sebuah komuniti hidupan yang mengandungi pelbagai koloni dan spesies tinggal dalam sebuah habitat. Habitat adalah tempat tinggal sesuatu komuniti organism. Sebuah habitat sebenarnya terbentuk daripada sebuah ekosistem iaitu gabungan daripada unsur biotik dan abiotik, sama ada daratan, sungai, laut, hutan, gunung, dalam rumah atau udara. Kesemua elemen tersebut saling berkaitan dan secara fitrahnya wujud dalam keadaan seimbang. Sebagai sebuah ekosistem, alam sekitar sejak mula diciptakan adalah suatu bentuk kejadian yang cukup kompleks tetapi tersusun rapi. Di dalamnya terdapat berbagai-bagi subsistem yang setiap satunya berfungsi mengekalkan fungsi yang lainnya. Kewujudan alam sekitar dalam bentuk ekosistem yang seimbang adalah teras kepada kemakmuran sejahtera. Pada masa lampau ekosistem hanya berubah akibat tindakan seperti hanyutan benua, glasier, gempa bumi, kenaikan aras laut dan letusan gunung berapi. Alam sekitar fizikal dan hidupan silih berganti dan begitu juga budaya serta tamadun manusia. Alam terus wujud dalam keadaan seimbang sehingga ke zaman mutakhir ini apabila manusia semakin menguasai alam sekitar fizikalnya. Tamadun manusia yang kian berubah selari dengan perubahan budaya dan cara hidup manusia, semakin mengancam alam dan spesies organisma khususnya manusia sendiri (Berkes *et al.*, 2000). Perubahan budaya dan cara hidup manusia kerana kelebihan yang ada pada manusia yang dominan ekologi. Ekosistem dan begitu juga sistem sosial manusia sepatutnya seimbang. Jika salah satu elemen dalam subsistem diganggu maka elemen lain dalam subsistem tersebut dan seterusnya ekosistem keseluruhannya akan turut terjejas. Pelaku utama gangguan tersebut adalah manusia.

Manusia mempunyai banyak kelebihan berbanding spesies organisma lain seperti kelebihan fizikal yang seimbang dan keupayaan mental yang tinggi. Manusia bersifat menguasai alam sekitar kerana secara ekologinya dominan (Cutters *et al.*, 1999). Sebagai hidupan yang dominan terhadap ekologinya, manusia melakukan sekurang-kurangnya tiga jenis aktiviti dalam persekitaran habitatnya iaitu pertama, aktiviti mencari makanan dan memakan makanan; kedua, aktiviti untuk tujuan perlindungan dan mempertahankan diri; dan ketiga, aktiviti bagi tujuan pembiakan dan pengembangan. Ketiga-tiga aktiviti ini akan menentukan jenis dan batas ruang fizikal (*niche ekologi*)

yang menjadi habitat organisma berkenaan. Ketiga-tiga aktiviti inilah yang menjadi pokok kepada pelbagai ketakseimbangan ekosistem/alam sekitar dan keadaan sosial komuniti manusia. Manifestasi ketakseimbangan tersebut adalah masalah degradasi alam sekitar dan kemerosotan kualiti sosial manusia. Alam sekitar dan keadaan sosial manusia kini kian terancam. Setengahnya lebih kritikal berbanding yang lain.

Perbincangan tentang keseimbangan hubungan antara alam dan manusia tidak lengkap jika tidak menyentuh pandangan Biel (2006) tentang daya tampung persekitaran fizikal dan sosial. Beliau mengetengahkan hukum entropi, iaitu suatu idea tentang ketiadaan ‘ruang’ bagi tujuan perancangan atau potensi pembangunan dalam mana-mana sistem pada masa hadapan. Konsep ruang Biel ini tidak sama dengan konsep ruang sosial dan proses pembentukan ruang Lefebvre (1991) tetapi berkaitan dengan tiga konsep penghasilan ruang beliau melalui perlakuan keruangan, ruang representasi dan ruang kediaman sebenar (*representational spaces*). Pembangunan dalam konteks tamadun manusia berlaku dalam masa yang panjang menggunakan ‘ruang’ sumber asli yang didapati daripada persekitaran fizikal dan sumber manusia daripada persekitaran sosial. Penggunaan sumber alam dan sumber manusia yang berterusan tidak hanya menyebabkan kehabisan sumber asli tetapi juga kemasuhan alam sekitar dan penyempitan potensi ruang untuk terus maju pada masa hadapan. Lebih parah lagi apabila penggunaan sumber alam bagi memacu pertumbuhan menyebabkan ketirisan budaya manusia itu sendiri akibat perubahan cara hidup tradisi, keruntuhan moral dan nilai murni. Menggunakan tulisan Luxemberg (1952) tentang pertumbuhan dan perkembangan ekonomi kapitalis barat yang mengeksplotasi sumber alam negara bukan kapitalis di tanah jajahan sehingga menyebabkan keruntuhan dan kemasuhan persekitaran global secara progresif, Biel (2006) mengaitkan entropi dengan penguncupan ruang wilayah yang masih tinggal di negara membangun (pinggiran) demi menyokong pertumbuhan ekonomi dan tamadun barat secara umumnya. Kemasuhan alam sekitar dan keruntuhan sistem ekonomi dan sosial tradisional diikuti dengan keceluaran budaya yang ditandai dengan kemiskinan, kebejatan moral, rasuah yang berleluasa, keterancaman keselamatan awam dan keruntuhan sistem keluarga.

Pada dekad 1980-an aktiviti perindustrian barat telah banyak dipindahkan ke negara membangun yang sebelumnya telah pun mengalami kemasuhan alam sekitar dan keruntuhan sistem sosial tradisional akibat penjajahan dan eksplotasi sumber alamnya. Sumber alam semakin habis dan kualiti alam sekitar semakin merosot sementara ruang wilayah yang masih dalam keadaan asli mengikut akibat kemaraan pelaburan asing langsung ke negara tersebut. Penduduk negara membangun yang sudah kehilangan atau mengabaikan nilai dan kemahiran pribumi tidak lagi dapat memajukan sistem sosial dan ekonomi tradisional. Mereka terpaksa mencebur ekonomi dan mengamalkan corak kehidupan bandar dengan ruang yang semakin sempit. Ketakseimbangan ruang dan sosioekonomi semakin ketara. Insiden kemiskinan semakin merata. Kemaraan sistem ekonomi global dan kehidupan yang berteraskan nilai barat moden semakin menekan kehidupan masyarakat pinggiran yang rata-rata miskin.

Banyak contoh boleh diketengahkan untuk menyokong bagaimana tindakan

manusia abad kebelakangan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung telah menyebabkan pelbagai kemasuhan terhadap alam, keadaan sosial dan budayanya sendiri (Kasperton *et al.*, 1995). Ini terjadi melalui tindakan yang mengganggu ekosistem dan persekitaran fizikal serta sistem sosial manusia. Misalnya ketika manusia melakukan aktiviti pertahanan manusia membakar, membedil, membunuh dan mengubah muka bumi sehingga memusnahkan habitat iaitu alam sekitar tempat kediamannya. Untuk mencari perlindungan dan mendirikan petempatan, manusia juga memusnahkan hutan, padang ragut dan tanah pertanian. Ketika manusia mengaktifkan fungsi pembiakkannya, mereka cenderung melakukan aktiviti songsang di luar batas norma dan nilai kemanusiaan sejagat yang boleh mengganggu kestabilan sistem sosial. Contoh yang lazim termasuklah perzinaan, hubungan sejenis, pelacuran, sumbang mahram dan perkosaan sehingga menjelaskan keharmonian komuniti dan keturunan manusia sendiri. Lebih dahsyat lagi, ketika manusia melakukan aktiviti mencari makan, mereka melakukan kerakusan dengan menebang hutan, membuka tanah pertanian, melombong mineral, menternak tanpa kawalan, mengilang dan menggunakan barang yang menghasilkan sisa. Ketiga-tiga aktiviti tersebut merupakan pola ruang kehidupan harian manusia yang telah menyebabkan keterancaman yang serius kepada alam dan manusia (Abdelhelim, 1996). Ini berlaku sama ada akibat kehabisan sumber alam, kepupusan spesies organisma yang kian berkurangan atau akibat kerosakan alam sekitar dan degradasi serta penurunan kualiti alam sekitar khususnya sumber air dan udara bersih. Di sesetengah tempat, aktiviti ini juga melibatkan pelbagai jenayah seperti pencerobohan kawasan, perompakan, pemerasan dan rasuah. Tidak kurang juga aktiviti monopoli, penipuan dan penindasan yang menjelaskan kestabilan sosial dan ekonomi komuniti berkenaan. Semua bentuk ketakseimbangan yang menjurus kepada keterancaman alam sekitar dan spesies manusia adalah berpuncak kepada perubahan budaya dan cara hidup manusia. Budaya kepenggunaan massa yang didorong oleh keinginan nafsu syahwat di luar batasan institusi agama/sosial, peraturan, hukum dan norma murni masyarakat. Pengguna kini kian bermahajalela kerana budaya manusia pada milenium baru ini sudah tiris.

## Pemacu ketirisan budaya

Persoalan tentang mengapa berlaku ketirisan budaya yang mendadak pada dekad kebelakangan ini sering dibincangkan. Pada umumnya terdapat pelbagai faktor yang menggalakkan perubahan budaya sehingga berlaku ketirisan mendadak. Antara faktor tersebut termasuklah anjakan paradigma dan perubahan pandangan terhadap dunia. Pada masa dahulu khususnya sebelum abad ke 12 Masihi, kebanyakan manusia melihat dunia sebagai tempat kehidupan sementara, tempat perhentian bagi suatu pengembalaan yang panjang, sebelum akhirnya dikembalikan ke suatu tempat dalam kehidupan yang abadi. Ini adalah kepercayaan kebanyakan pengikut agama yang berasaskan wahyu khususnya agama Islam, Yahudi dan Kristian mahupun kepercayaan agama yang lain seperti Hindu dan Buddha. Walaupun banyak perbezaan tetapi secara umumnya

dapat dikatakan bahawa kehidupan beragama pada waktu itu menjadi pengikat kepada budaya kehidupan yang seimbang yang berasaskan kemakmuran berterusan, iaitu kehidupan yang di dalamnya ada unsur kebendaan dan keselesaan tetapi pada masa yang sama menyanjung budi dan pekerti mulia. Walaupun kehidupan yang makmur secara ideal hampir tidak pernah wujud di dunia tetapi sejarah membuktikan bahawa budaya manusia pada masa lampau tidak mendampak alam sekitar.

Revolusi pengetahuan dan teknologi yang akhirnya mencetuskan Revolusi Perindustrian pada akhir abad ke-19 di Eropah dan Amerika Utara telah menghakis pandangan terhadap keyakinan beragama. Perkembangan pengetahuan sekular khususnya tentang sains dan teknologi di barat yang didokong oleh para saudagar berlaku dengan sangat pantas. Perkembangan ini telah melemahkan sama sekali bukan sahaja kuasa politik raja dan pemerintah tradisional, tetapi juga paksi kehidupan beragama. Gerakan rakyat untuk membebaskan diri daripada belenggu pemerintahan beraja yang sering berlaku zalim diikuti kemudiannya dengan gerakan membebaskan diri daripada belenggu agama. Fahaman kebendaan, walaupun dalam kalangan pengikut agama dan apatah lagi golongan atheis termasuk para pengikut ideologi kapitalis, sosialis dan komunis, bermula di Barat. Kemudian fahaman telah merebak ke seluruh pelusuk dunia melalui penjajahan ketenteraan, politik, ekonomi dan berteraskan kebendaan. Kehadirannya di seluruh dunia semakin kukuh.

Pemodenan ekonomi dan sosial di seluruh dunia menjadi lebih pantas selepas Perang Dunia Kedua. Politik dunia yang semakin bipolar dan kemunculan kuasa Order Dunia Baru yang dipacu dari Barat telah menjadikan manusia di seluruh dunia terpaksa akur di bawah naungan pertubuhan antarabangsa seperti Bangsa-bangsa Bersatu, World Trade Organisation, Bank Dunia dan seumpamanya. Dalam era Pasca Fordisme dominasi para Kapitalis dan cengkaman Korporat Rentas Negara ke atas ekonomi dunia melalui arus globalisasi ekonomi semakin ketara. Teknologi pengeluaran dan komunikasi berkembang terlalu pantas. Kedua-duanya digunakan oleh para kapitalis untuk merealisasikan matlamat menguasai dunia. Tamadun pasca moden ini, melalui liberalisasi perdagangan dan *deregularisasi* peraturan antarabangsa, hampir tidak mengiktiraf kebijakan, menolak sistem kuota dan subsidi, tidak perlu kepada keseimbangan; keadilan ditafsir mengikut kemahuan para Kapitalis. Monopoli menjadi strategi utama untuk menguasai ekonomi dunia melalui pelbagai peraturan yang mereka cipta.

Para sarjana seperti Grossman dan Krueger (1995), Smulders (2000) serta Bartolini dan Banotti (2002) berhujah bahawa pertumbuhan ekonomi berkait rapat dengan kemasuhan alam sekitar. Ini kerana, pertumbuhan ekonomi sesebuah negara perlu mengeksplorasi sumber alam atau menggunakan tenaga fosil untuk menggerakkan ekonomi moden sama ada industri pembuatan atau perkhidmatan bandar sehingga menjelaskan kualiti alam sekitar, terutama kualiti udara dan air. Penggunaan bahan tenaga fosil khususnya petroleum telah meningkat secara mendadak pada penghujung abad ke 20 daripada kira-kira 1.0 bilion tan pada tahun 1925, kepada 2.0 bilion tan pada tahun 1955, seterusnya 9.0 bilion tan pada 1995. Pada tahun 2010 penggunaannya

dianggarkan mencapai 11.0 bilion tan. Walaupun pergantungan negara maju seperti Amerika Syarikat kepada sumber tenaga petroleum pada dasarnya telah semakin berkurangan, misalnya pada 2000 penggunaan petroleum di negara tersebut adalah 19.7 juta tong sehari, menurun kepada 19.1 juta tong sehari pada 2010. Namun di negara membangun seperti Malaysia, penggunaannya masih meningkat misalnya daripada 160,000 tong sehari pada tahun 1980 kepada 465,000 tong sehari pada 2000 dan terus meningkat kepada 523,000 tong sehari pada 2010 (EIA, 2011). Terdapat bukti yang jelas bahawa sektor perkhidmatan dan domestik kini telah menggantikan sektor pembuatan sebagai pengguna utama tenaga dunia masa kini (World Resource Institute, 2003). Perubahan budaya manusia masa kini akibat gaya hidup moden menggalakkan penggunaan massa. Ini meningkatkan lagi permintaan terhadap barang dan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan adalah penggerak dan penyumbang utama ekonomi dunia kebelakangan ini. Sektor perkhidmatan banyak bergantung kepada sumber manusia yang terlatih untuk menjana pertumbuhan.

Wujud kecenderungan yang nyata bahawa ekonomi perkhidmatan global masa kini bergantung kepada ilmu pengetahuan. Produk pelancongan, pengkomputeran, kewangan, pengangkutan moden, kesihatan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan inovasi, pengiklanan, penghantaran, peruncitan dan komunikasi, semakin bergantung kepada sumber manusia. Manusia yang membekalkan tenaga sosial kepada sektor perkhidmatan menggantikan sumber tenaga konvensional dan sumber alam yang lain yang memacu pertumbuhan sektor perindustrian beberapa dekad sebelum ini (Biel, 2006). Bermula di negara maju dan kini merebak ke negara membangun. Anjakan ini bererti bahawa pembangunan ekonomi kapitalis (global) yang mewakili kemajuan tamadun manusia masa kini yang dipacu oleh korporat berbilang negara (MNC) mula memindahkan kemasuhan alam sekitar dan sosial kepada suatu bentuk risiko bencana massa ke persekitaran sosial melalui pemupukan budaya penggunaan massa. Di negara maju, budaya penggunaan massa telah berkembang sejak 1960-an lagi. Apabila dilakukan penstrukturran semula proses pengeluaran oleh syarikat berbilang negara pada 1980-an, lokasi proses pengeluaran berpindah ke negara membangun termasuk di Asia Tenggara. Pengguna di barat mengimport produk kilang dari negara membangun khususnya barang perkakas elektrik dan elektronik untuk meneruskan budaya penggunaan massa. Pada masa yang sama budaya penggunaan massa berkembang di negara membangun. Kemiskinan dan ketidakseimbangan pembangunan semakin meluas di negara membangun. Ini diikuti oleh meningkatnya masalah jenayah dan pelbagai gejala sosial. Masalah persekitaran sosial kian melebar dan kronik sejajar dengan pelonggokan modal asing dan kebanjiran buruh asing di negara membangun. Risiko bencana sosial turut disebarluaskan ke negara membangun.

Risiko bencana yang bersifat meluas ini, walaupun bukan semuanya fenomena baru, tetapi intensiti perlakuannya kini sangat ketara. Perkara ini misalnya dapat dikesan melalui penggunaan massa barang kilang dan perkhidmatan secara tidak terkawal oleh masyarakat yang majoritinya terdiri daripada golongan muda berpendapatan sederhana. Penggunaan massa produk kilang dan produk perkhidmatan moden menyebabkan

timbulnya pelbagai gejala sosial yang baharu seperti penggunaan peralatan elektronik yang tidak produktif dan membuang masa, pembaziran dalam perbelanjaan dan obsesi kerana asyik dan ketagihan khususnya permainan elektronik dalam kalangan kanak-kanak dan remaja; juga berlaku keruntuhan nilai kemanusiaan yang berpunca daripada kebebasan penggunaan media elektronik bagi penyebaran maklumat palsu berunsur fitnah, pornografi dan jenayah siber, kebangkrapan akibat berhutang terutamanya melalui penggunaan kad kredit di luar kemampuan, korupsi, pecah amanah akibat tekanan kehidupan di bandar, pemberi pinjaman wang haram (along) dan gejala sosial lainnya. Begitu juga dengan perkembangan aplikasi bioteknologi ke dalam sektor pembuatan, pertanian dan perubatan yang mencetuskan kecelaruan sosial akibat pencabulan nilai kemanusiaan misalnya dalam kes pemindahan gen haiwan ke dalam tumbuhan yang membekalkan makanan, modifikasi baka, dan penggunaan bahan bernajis dalam makanan dan ubat-ubatan, semuanya telah mengabaikan hak pengguna untuk membebaskan diri daripada risiko kesihatan dan ketaktentuan bahan akibat ketakutlenan sumber makanan dan ubat-ubatan, atau mungkin juga risiko kecelaruan keturunan manusia itu sendiri. Pemindahan entropi sumber dan ruang persekitaran ke dalam bentuk persekitaran sosial pada masa hadapan yang terhampir semata-mata dilakukan untuk memberi tenaga bagi meneruskan hegemoni kapitalisme dalam bidang ekonomi dan politik global. Ini bermakna persekitaran sosial sejagat semakin terdedah kepada pelbagai risiko ancaman bencana kemanusiaan.

Para sarjana yang beraliran Marxist seperti Frank (1978, 1979) sering mendakwa sejak dahulu lagi, kebergantungan ekonomi negara membangun kepada negara maju barat telah menyebabkan masyarakat di negara membangun terus terbelenggu, tidak bebas dan tidak berupaya untuk mengeluarkan diri daripada belenggu kemiskinan. Kemiskinan yang merata adalah salah satu petanda kepada kecelaruan sosial dan ekonomi. Masyarakat bawahan yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah di negara membangun terpaksa akur dan menerima penguasaan ekonomi kapitalisme terhadap kehidupan mereka. Penduduk desa yang telah kehilangan kemahiran pribumi tradisional, sumber alam yang sebelumnya menjadi punca pendapatan dan kehidupan yang harmoni dengan alam sekitar kini terpaksa bergantung kepada peluang ekonomi yang dicetuskan oleh pemodal asing langsung (MNC) yang kebanyakannya berasal dari negara maju melalui aktiviti pembuatan dan perkhidmatan termaju. Isi rumah miskin yang kurang berkemahiran terus terpinggir dan hidup dalam kemiskinan. Ketakseimbangan pembangunan semakin melebar sebagai akibat daripada peningkatan penguasaan golongan pemodal ke atas ruang fizikal, sumber alam dan sumber manusia negara membangun. Persekutaran sosial, khususnya sumber manusia menjadi sandaran bagi mengawal keterusan masa hadapan tamadun barat. Peningkatan kesedaran masyarakat tentang kemusnahan alam sekitar dan kepupusan sumber alam, pemerkaaan serta penerimaan idea dan gagasan pembangunan lestari/berterusan mahupun idea tentang bandar berdaya huni, di seluruh dunia, memudahkan lagi proses pemindahan risiko dari persekitaran fizikal ke persekitaran sosial. Ruang untuk mengawal dan mengurus degradasi alam sekitar dan sosial semakin sempit. Ini menguatkan lagi keyakinan kita

bahawa kecelaruan sosial, malapetaka dan bencana kemanusiaan yang bersifat massa sedang menunggu di hujung terowong tamadun barat termasuk yang sedang dialami negara membangun.

Motif keuntungan maksimum menjadi asas membuat keputusan. Ilmu pengetahuan sains dan teknologi yang menghasilkan inovasi disanjung, dipacu dan dikembangkan dengan pesat. Daya saing dan persaingan menjadi strategi bagi mencapai matlamat keuntungan maksimum. Sumber alam dimajukan sepenuhnya. Output dan hasilnya adalah nilai eksport yang tinggi dan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat diikuti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pendapatan isi rumah yang tinggi yang mampu mempercepatkan pencapaian matlamat menjadi negara maju seperti barat. *Outcomenya* adalah kehidupan yang selesa yang bebas daripada pelbagai belenggu peraturan. Namun oleh kerana tidak semua mampu bersaing secara sihat, ramai yang memilih strategi mencapai matlamat keselesaan yang bertentangan dengan nilai murni dan agama. Mereka melanggar peraturan negara, norma tradisi masyarakat dan agama. Setengahnya melakukan tindakan salah laku di luar batas nilai murni yang telah sejak dahulu dianuti masyarakat demi mencapai keseronokan dan kebebasan hidup. Ini adalah penunjuk yang sangat jelas kepada ketirisan budaya manusia masa ini.

Kemunculan idea masyarakat sivil sebagai satu strategi penyelesaian kepada masalah kecelaruan sosial yang ditimbulkan oleh tamadun barat tidak menjanjikan suatu kepastian bahawa bencana kemanusiaan massa dapat dikawal. Ini kerana, di sebalik nilai murni yang dicanangkan para pelopornya, pembentukan masyarakat sivil tidak terlepas daripada pengaruh ekonomi global yang terus menerus menjadikan keuntungan dan pertumbuhan pesat sebagai motif utama pembangunan. Penumpuan berterusan modal pelaburan asing di wilayah pertumbuhan utama, mengabaikan wilayah mundur demi meraih keuntungan memaksimum, adalah bukti yang nyata tentang ketakpastian masa hadapan pergerakan membentuk masyarakat sivil untuk mengurangkan masalah kecelaruan sosial akibat ketirisan budaya manusia masa kini.

### **Ketirisan budaya, keterancaman alam sekitar dan sosial sebagai isu global**

Persekutaran fizikal dunia yang terdiri daripada komponen litosfera, hidrosfera dan atmosfera sebenarnya sangat rapuh. Begitu juga komponen biosfera dalam mana organisma khususnya flora dan fauna adalah elemen utamanya. Manusia sebagai hidupan, merupakan organisma yang bersifat dominan ekologi. Banyak aktiviti yang mereka jalankan, terutamanya aktiviti mendapatkan makanan dan keperluan lain, manusia telah bertindak secara berlebihan terhadap persekitaran fizikal yang menjadi habitatnya. Akibatnya habitat manusia kian rapuh sehingga menjelaskan kehidupan manusia sendiri. Jadi, manusia bukan sahaja sedang diambang keterancaman yang kritikal akibat kemasuhan habitatnya yang kian sukar dipulihara, tetapi juga akibat kecelaruan sosial. Semuanya berpunca daripada budaya manusia yang kian tiris dan merudum.

Kasperson *et al.* (1995) dan Kasperson dan Kasperson (2001) telah melaporkan pelbagai bentuk keterancaman persekitaran fizikal dan sosial di beberapa bahagian dunia. Ini meliputi kawasan separa gurun, padang ragut, tanah tinggi, ekologi marin, tanah pertanian dan hutan. Persekitaran fizikal di kawasan separa gurun Kenya yang rapuh adalah antaranya yang terjejas (Rocheleau *et al.*, 1995). Alam sekitar di kawasan separa gurun tersebut tidak hanya telah mengalami degradasi akibat kemarau panjang dan kegelojohan syarikat asing yang mahu menimba keuntungan melalui aktiviti pertanian komersial dengan tanaman yang bukan natif, tetapi juga keruntuhan budaya dan terhakisnya kemahiran tradisionalnya sehingga mereka tidak mampu untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran fizikal. Tanah pertanian dan padang ragut telah musnah dan amat sukar dipulihkan akibat penggunaan yang berlebihan. Ramai penduduk wilayah tersebut terpaksa bergantung kepada bantuan asing. Masalah sosial juga kian gawat. Kebuluran, rebakan wabak penyakit, pengangguran, jenayah dan keruntuhan rumah tangga sudah menjadi lumrah di kawasan tersebut. Hal yang hampir serupa dilaporkan di Ghana.

Faktor sosiobudaya menyebabkan berlakunya degradasi tanah pertanian (Koku, 2001). Fenomena yang serupa turut dialami di Dataran Llano Esticado, New Mexico, Amerika Syarikat. Malah situasinya lebih kritikal lagi (Brooks & Emel, 1995). Kawasan padang rumput separa gersang yang menjadi habitat bagi haiwan seperti bison, coyote dan jaguar serta orang Red Indian kini berubah menjadi kawasan pertanian yang hampir tandus. Kedatangan orang Eropah diikuti dengan pengenalan rumput baka asing menggantikan rumput asal bagi memajukan ternakan lembu daging, telah mengubah keadaan persekitaran fizikal wilayah tersebut. Bison, jaguar dan coyote bukan sahaja pupus akibat diburu dan dibunuh bagi menyelamatkan industri ternakan, tetapi juga tidak dapat hidup dan membiak akibat kemasuhan habitat mereka. Begitu juga kaum Red Indian yang tidak dapat meneruskan kehidupan tradisional mereka kerana dipaksa pindah ke kawasan rezab khas. Budaya dan cara hidup baharu yang dibawa oleh masyarakat Eropah sangat tidak adil kepada penghuni asal kawasan tersebut. Keadaan menjadi lebih gawat lagi apabila pertanian komersial, khususnya kapas diperkenalkan ke kawasan tersebut. Tanaman kapas yang memerlukan banyak air bukan natif kepada kawasan tersebut. Namun, permintaan kapas dunia yang tinggi menggalakkan pembukaan ladang kapas besar-besaran di Llano Esticado.

Tidak cukup bekalan air permukaan, air bawah tanah disedut menggunakan teknologi penggerudian petroleum. Industri petroleum turut dimajukan di New Mexico. Kemarau dan hakisan angin bukan sahaja memusnahkan tanaman tetapi juga persekitaran fizikal kawasan tersebut. Tanah separa gurun yang kian gersang dan longgar dihakis dan debunya diterbangkan hingga ke Boston dan New York ribuan kilometer dari kawasan asalnya. Fenomena *mangkuk debu* bukan lagi bersifat sementara tetapi degradasi sumber tanah pertanian kekal yang sudah tidak dapat dipulihkan lagi. Punca utama degradasi persekitaran fizikal adalah ketirisan budaya masyarakat yang mendatangi kawasan tersebut. Sifat dominan ekologi manusia yang tidak adil terhadap

hidupan lain adalah cara dan budaya hidup yang rosak. Ini kerana ketirisan budaya tersebut tidak hanya mendampak kepada persekitaran fizikal tetapi juga kehidupan manusia sendiri. Impak ekonomi dan sosial akibat degradasi persekitaran di Llano Esticado cukup besar iaitu kejatuhan ekonomi wilayah diikuti oleh peningkatan kes kebankrapan, insiden kemiskinan, peningkatan kadar pengangguran, keruntuhan rumah tangga dan jenayah.

Situasi yang hampir sama dilaporkan di bandar raya Mexico. Bandar raya mega ini adalah antara yang terbesar di dunia. Saiznya yang besar dan penduduknya yang terus bertambah menyebabkan keperluan kepada bekalan air yang banyak. Namun bandar raya tersebut tidak lagi mampu memenuhi keperluan air penduduknya kerana kurangnya sumber air sama ada sumber air permukaan atau bawah tanah. Eksplorasi sumber air yang telah sedemikian lama dijalankan menyebabkan ekosistem bandar raya tersebut telah musnah. Bandar raya Mexico dilaporkan mendap beberapa sentimeter setahun akibat gangguan terhadap lapisan bawah tanahnya. Di samping masalah bekalan air, udara bandar raya Mexico juga tercemar teruk akibat pembebasan karbon monoksida, nitrogen oksida dan gas beracun yang lain. Impak sosial daripada proses pembandaran yang pesat dan degradasi alam sekitar juga amat banyak.

Di Inner Mongolia, Republik Rakyat China, Dataran Tinggi Ordos merupakan sebuah wilayah yang sedang diancam *sandification* akibat kemarau yang panjang dan fenomena pasir bergerak (Hong Jiang *et al.*, 1995). Keluasan padang pasir kawasan separa gurun tersebut sedang bertambah luas akibat aktiviti pertanian intensif dan ragutan yang tidak terkawal semasa berada di bawah kerajaan yang mengamalkan Sistem Ekonomi Perancangan Pusat pada masa lalu. Kesannya ke atas ekonomi dan sosial wilayah tersebut juga amat besar. Ordos terus ketinggalan dari segi pembangunan. Bagaimanapun melalui autonomi wilayah, inisiatif kerajaan tempatan telah berjaya mengurangkan impak persekitaran dan sosial akibat *sandification* dan kepupusan sumber alam.

Keterancaman persekitaran fizikal dan hidupan juga dialami oleh kawasan daratan yang berhutan. Potter *et al.* (1995) melaporkan bahawa Wilayah Sunda, khususnya Pulau Borneo (Kalimantan, Sabah dan Sarawak) sedang terancam akibat proses penyahutanan. Kemasuhan ekosistem hutan telah menyebabkan kepupusan. Kadar penyahutanan di Indonesia adalah tinggi (6,000-9,000,000 km<sup>2</sup> /setahun) merupakan yang ketiga tertinggi di dunia selepas Brazil dan India. Di Malaysia, kadar penyahutanan juga agak tinggi (kira-kira 2,550<sup>2</sup>/setahun). Penyahutanan dipersalahkan setelah berlakunya fenomena kehilangan kepelbagaiannya biologi, pemanasan global akibat kehilangan kawasan hutan dan pembebasan karbon dioksida ke atmosfera. Penyahutanan tidak hanya mengakibatkan degradasi alam sekitar dan kemasuhan ekosistem tetapi juga mempunyai impak sosial dan ekonomi yang besar kepada penduduk wilayah berkenaan. Penyahutanan akibat penebangan hutan untuk industri perkayuan dan pembangunan tanah pertanian telah menyebabkan timbulnya pelbagai konflik sosial khususnya di Kalimantan akibat kemasukan migran dari luar wilayah. Di Sarawak pula timbul isu pencerobohan tanah adat oleh pembalak dan

keterancaman cara hidup tradisional kaum Penan juga turut menjadi perhatian dunia. Isu pemanasan global, kemusnahan ekosistem dan konflik sosial akhirnya membawa kepada pengharaman eksport kayu balak tropika. Industri papan lapis di Kalimantan yang disertai oleh para pelabur asing dari Jepun dan Taiwan mencapai kemuncak pengeluarannya pada akhir tahun 1980-an. Pengharaman eksport kayu tropika telah memyebabkan ekonomi wilayah Sunda terjejas teruk. Pengangguran dan kemiskinan semakin berleluasa. Ekonomi asas hutan tidak dapat dilestarikan. Punca kepada masalah persekitaran dan sosial tersebut adalah ketirisan budaya dan cara hidup sehingga mengabaikan prinsip keseimbangan dan keadilan sejagat.

Degradasi dan keterancaman alam sekitar tidak hanya berlaku di darat tetapi juga berlaku di kawasan laut dan lautan (marin). Laut Utara di Eropah adalah salah satu kawasan yang terancam pada tahap yang agak kritikal. Laut Utara membekal sumber marin khususnya protein dan mineral. Pertumbuhan penduduk, pembandaran dan perindustrian yang pesat telah menyebabkan laut tersebut terus terancam. Ini berpunca daripada penangkapan yang berlebihan, pembebasan sisa toksik ke atmosfera dan laut akibat aktiviti pertanian, perlombongan, tumpahan minyak, perindustrian dan pelancongan telah menyebabkan Laut Utara semakin parah. Pada 1970 an, Kesatuan Ekonomi Eropah terpaksa mempekenalkan peraturan had tangkapan ikan kerana sumber ikan yang kian pupus. Ekonomi beberapa negara yang bergantung kepada sumber marin seperti Britain, Norway dan Portugal terjejas akibat hasil tangkapan ikan yang mengecut. Isu degradasi ekosistem Laut Utara terus menjadi perhatian dunia. Perubahan gaya hidup ke arah yang lebih prihatin terhadap prinsip keseimbangan ekosistem dan keadilan sejagat perlu dilakukan. Ini kerana budaya manusia hari ini sudah berada pada tahap tiris yang sangat membimbangkan.

Bukti dari beberapa bahagian wilayah dunia di atas menunjukkan bahawa ekosistem daratan, laut, sungai, gunung, tasik, hutan, gurun dan bandar semakin terancam. Persekitaran fizikal yang terdapat di alam ini sangat rapuh. Mineral dan sumber alam yang tidak boleh diperbaharui yang lain akan habis. Manakala sumber yang boleh diperbaharui seperti udara dan air akan mengalami degradasi yang menuju kemusnahan. Sumber kepelbagaian biologi pula akan lenyap akibat kemerosotan spesies yang semakin tidak dapat dibendung (Howitt, 2001). Semuanya berpunca daripada ketirisan budaya manusia dalam melakukan aktiviti mencari makan, membiak dan mendapatkan perlindungan yang amat dominan ekologi sifatnya. Ketirisan cara hidup tersebut tidak hanya mendampak kepada alam sekitar tetapi juga kepada keadaan ekonomi dan sosial. Kes kebangkrapan, kemiskinan, penghijrahan keluar beramai-ramai dan kebuluran akibat kemusnahan ekosistem diikuti dengan timbulnya pelbagai masalah sosial seperti keruntuhan rumah tangga, ibu tunggal, jenayah dan gejala sosial yang lain.

Sejak kebelakangan ini, budaya manusia semakin celaru dan tiris. Terlalu banyak kerosakan dilakukan bukan sahaja terhadap alam sekitar tetapi juga persekitaran sosial. Gejala perlakuan songsang, tabiat tak lazim dan kelakuan sumbang semakin berleluasa di seluruh dunia. Ini selari dengan meluasnya kemiskinan dan pertambahan

hutang negara dan individu akibat kemerosotan ekonomi keluarga, negara dan dunia secara keseluruhannya. Pada 2010 banyak negara di dunia yang menanggung hutang hingga melebihi 100 peratus daripada Keluaran Negara Kasarnya. Negara tersebut termasuklah Jepun, Greece, Itali dan Iceland, sementara 40 buah negara lain termasuk negara maju seperti Jerman, Sepanyol, Belgium, United Kingdom, Poland, Amerika Syarikat, Belanda, Crotia, Austria, Hungary, Portugal dan Perancis; juga negara membangun seperti Brazil, Mesir, Sudan, Sri Lanka dan Malaysia, mempunyai hutang melebihi 50 peratus daripada Keluaran Negara Kasarnya (CIA World Factbook, 2011). Dari segi pendapatan, 14 buah negara di Afrika adalah paling miskin di dunia dengan pendapatan per kapita tahunannya pada harga antarabangsa semasa kurang US\$1,000. Negara tersebut termasuklah Republik Kongo, Zimbabwe, Burundi, Liberia, Eritrea, Togo, Malawi, Madagascar, Sierra Leone, Guinea, Mozambique dan Niger (IMF, 2012).

Di peringkat keluarga pula, pada 2008 kira-kira 69.2 peratus daripada jumlah penduduk Sub-Sahara Afrika berpendapatan kurang daripada US\$2.00 sehari; angka bagi Rantau Asia Selatan adalah 70.9 peratus dan Asia Timur dan Asia Pasifik 33.2 peratus. Pada 2010 sebanyak 1.4 bilion penduduk negara membangun mempunyai pendapatan kurang daripada US\$1.20 sehari (IFAD, 2011). Pada 2010, dianggarkan sejumlah 925 juta penduduk dunia tidak mempunyai makanan yang mencukupi untuk dimakan dan 98 peratus daripadanya terdapat di negara membangun. Kebuluran kini menjadi fenomena yang lumrah di seluruh dunia. Seramai 578 juta penduduk Rantau Asia Pasifik mengalami kebuluran dan 278 penduduk Sub Sahara, Afrika menghadapi keadaan yang sama. Lebih serius lagi, 67 peratus penduduk yang kebuluran terdapat hanya di tujuh buah negara, iaitu Bangladesh, China, Republik Demokratik Kongo, Ethiopia, India, Indonesia dan Pakistan (FAO, 2010).

Satu lagi penunjuk ketirisan budaya ialah berleluasanya insiden rasuah di dunia. Daripada 183 buah negara yang dikaji, lebih 85 peratus berlaku di negara membangun. Pada 2010, antara negara yang mempunyai skor indeks korupsi paling rendah, kurang daripada 3.0 (10.0 terbaik dan 0.0 terburuk) termasuklah Somalia, Korea Utara, Myanmar, Afghanistan, Uzbekistan, Turkmenistan, Iraq, Haiti, Burundi, Chad, Angola, Yaman, Guinea, Kemboja, Zimbabwe, Paraguay, Mali, Bolivia, Kosovo, Vietnam, Ecuador, Bangladesh, Ethiopia, Moldova, Guatemala, Senegal, Kazakhstan, Mogolia, Mozambique, Pakistan, Armenia, Honduras, Cameroon, Filipina, Republik Dominika, Surinam, Kepulauan Solomon, Nicaragua, Guyana, Eritrea, Sierra Leone dan Niger (Transparency International, 2011). Berbanding dengan dekad sebelum ini, rata-rata telah berlaku peningkatan insiden korupsi di dunia.

Jika kemiskinan dan korupsi fenomena yang dikaitkan dengan negara membangun, gejala sosial yang lain seperti bunuh diri, rogol dan remaja hamil sebagai petanda keruntuhan moral, banyak pula dikaitkan dengan negara maju. Dalam kes bunuh diri, golongan lelaki lebih cenderung untuk membunuh diri berbanding wanita. Antara negara maju yang mencatatkan bilangan bunuh diri yang paling ramai dan semakin meningkat, diukur berdasarkan bilangan penduduk membunuh diri setiap 100,000

orang, termasuklah Lithuania (61.3), Persekutuan Russia (53.9), Belarus (48.7), Latvia (40.0), Hungary (40.0), Ukraine (37.8), Jepun (36.2), Republik Maldova (30.1), Poland (26.4) dan Perancis (25.0), Finland (29.0), Croatia (28.9), Switzerland (24.8), Republik Czech (23.9) dan Austria (23.8) (WHO International, 2011). Begitu juga dengan kes rogol (diukur berdasarkan bilangan insiden rogol yang dilaporkan per 1,000 penduduk), pada 2008 negara maju seperti New Zealand (0.32), Belgium (0.30), Iceland (0.29), Norway (0.21), Findland (0.14), Ireland (0.10), Luxemberg (0.09), Denmark (0.09), Germany (0.09), Republik Czech (0.06), Russia (0.06), Hunggary (0.05), Poland (0.05), Romania (0.05) dan Slovenia (0.05) mencatat insiden antara yang tertinggi di dunia berbanding yang berlaku di negara membangun seperti Oman (0.04), Maghribi (0.035), Bahrain (0.029), Filipina (0.025), Cameroon (0.024), Maldives (0.013), Guinea (0.009) dan Mesir (0.001) (EICPCI, 2011).

Fenomena remaja mengandung pula, terutama yang di luar ikatan perkahwinan, dapat dikaitkan dengan hubungan seksual bebas pada umur muda dalam kalangan penduduk belasan tahun (remaja). Pergaulan yang bebas merentas jantina dalam konteks masyarakat barat, berpegang kepada prinsip hak asasi individu atau manusia kini rata-rata dibenarkan dan sudah dianggap normal. Bagi masyarakat yang berpegang kepada nilai murni atau beragama demi menjaga kesucian keturunan manusia, insiden sedemikian adalah tak normal dan tak bermoral. Namun kini trend tersebut sudah kian dianggap normal dan bersifat global. UNICEF melaporkan bahawa insiden remaja mengandung di luar ikatan perkahwinan, (dikira berdasarkan bilangan kelahiran oleh ibu berumur di bawah 20 tahun bagi setiap 1,000 wanita berumur 15-19 tahun) semakin meningkat terutamanya di negara maju (UNICEF, 2011). Antara negara yang mencatatkan insiden kelahiran oleh ibu remaja tertinggi adalah Amerika Syarikat (52.1), United Kingdom (30.8), New Zealand (29.8), Slovakia (26.9), Hungary (26.5), Iceland (24.7), Portugal (21.2), Kanada (20.2), Poland (18.7), Ireland (18.7), Australia (18.4), Republik Czech (16.4), Austria (14.0), Jerman (13.1), Norway (12.4) dan Greece (11.8). Bagaimanapun tiada data dari negara membangun untuk tujuan perbandingan.

Sebagai tambahan satu lagi penunjuk kecelaruan dan ketirisan budaya global adalah keruntuhan rumah tangga. Ini dapat digambarkan melalui bilangan perceraian dalam kalangan pasangan, berumah tangga dan berkahwin. Sekali lagi, negara maju mencatatkan insiden perceraian tertinggi (diukur berdasarkan bilangan perceraian bagi setiap 1,000 penduduk). Antara 15 negara tertinggi kadar perceraianya termasuklah Amerika Syarikat (4.95), Puerto Rico (4.47), Russia (3.36), United Kingdom (3.08), Denmark (2.81), New Zealand (2.63), Australia (2.52), Kanada (2.46), Findland (1.85), Barbados (1.21), Qatar (0.97), Portugal (0.88), Albania (0.83), Tunisia (0.82) dan Singapura (0.80) (Divorcereform.org, 2011). Walaupun keruntuhan rumah tangga suatu trend global, namun secara umumnya, kadar perceraian yang berlaku di negara maju jauh lebih tinggi berbanding negara membangun.

Banyak lagi penunjuk sosial lain yang boleh digunakan untuk menggambarkan betapa seriusnya masalah ketirisan budaya dan kecelaruan tamadun manusia kebelakangan ini. Centre for International Crime Prevention, Bangsa-bangsa Bersatu misalnya

melaporkan bahawa lima negara tertinggi merekodkan insiden jenayah adalah Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Russia dan Perancis (United Nation, 2011). Walaupun bukti yang ada tidak konklusif namun cukup untuk menunjukkan bahawa masyarakat di negara tersebut sedang mengalami kecelaruan hidup. Gejala sosial yang lebih menarik untuk menggambarkan betapa kehidupan masyarakat sudah kurang berdisiplin seolah-olah manusia sudah tidak dapat mengawal diri bertindak di luar kebiasaan melewati batas nilai kemanusiaan yang murni, dapat dikesan melalui gaya hidup dan tabiat pemakanannya. Pemakanan dapat dikaitkan dengan tahap kesihatan. Pemakanan yang baik dapat membantu menghasilkan badan yang sihat dan seimbang. Begitu juga sebaliknya jika manusia mengamalkan gaya pemakanan yang tidak baik, mengambil makanan dalam kuantiti yang berlebihan, tidak seimbang dan ditambah pula dengan kurang beriadah, kesannya ialah obesiti. Obesiti adalah kegemukan yang sering dikaitkan dengan pelbagai risiko serangan penyakit seperti diabetis, darah tinggi, barah dan masalah jantung. Antara 10 negara yang merekodkan indeks obesiti (diukur berdasarkan peratus penduduk yang mempunyai nilai *Body Mass Index* [BMI] melebihi 30 kg/meter<sup>2</sup>) yang tinggi adalah Amerika Syarikat (30.6%), Mexico (24.2%), United Kingdom (23%), Slovakia (22.4%), Greece (21.9%), Australia (21.7%), New Zealand (20.9%), Hungary (18.8%), Luxemburg (18.4%) dan Republik Czech (14.8%). Obesiti kini adalah gejala sosial yang kian meluas di negara maju (OECD, 2005).

Secara keseluruhan, kemusnahan alam sekitar dan meluasnya gejala sosial di dunia, terutama di negara maju, menunjukkan bahawa daya tampung alam sekitar fizikal semakin lemah. Persekutaran fizikal yang memberi tenaga bagi memungkinkan berkembangnya tamadun manusia pada abad ke-20 dan kini ke-21 sudah sampai ke penghujungnya. Entropinya kini terpaksa dipindahkan ke persekitaran sosial. Daya tampung persekitaran sosial sendiri sudah menunjukkan tanda kemerosotannya yang cukup jelas. Insiden dan gejala sosial yang menjadi petanda kepada kemerosotan entropi persekitaran sosial sudah semakin meluas. Punca kemerosotan tersebut adalah budaya manusia yang tidak dipandu oleh institusi, literatur, agama dan peraturan yang sihat. Kini keadaannya kian tiris dan celaru. Fenomena ini sedang berpindah dari negara maju ke negara membangun termasuk Malaysia.

## **Ketirisan budaya dan kualiti hidup di Malaysia**

Ketirisan budaya telah menyebar ke seluruh dunia dan Malaysia tidak terkecuali. Bermula dengan beberapa siri penjajahan negara ini oleh orang-orang Portugis, Belanda dan Inggeris dan penyertaan negara dalam perdagangan antarabangsa yang dipelopori oleh Barat, kini ekonomi Malaysia juga telah terangkum ke dalam sistem ekonomi global. Globalisasi ekonomi diikuti dengan pensemajaganan budaya. Kemajuan teknologi maklumat menjadikan jarak ruang fizikal kurang bermakna dalam memisahkan daratan benua. Ruang fizikal dunia seolah-olah menguncup dan tidak lagi menjadi pemisah sehingga boleh melambatkan penyebaran inovasi dan elemen budaya luar. Kini, ruang maya yang dapat diakses melalui peralatan digital sudah menerobosi

hampir ke seluruh pelusuk kawasan di Malaysia. Cara hidup dan budaya masyarakat Malaysia dalam konteks ekonomi kapitalis sudah tidak banyak berbeza. Budaya yang meletakkan keuntungan dan keselesaan hidup sebagai motif utama ekonomi pada mulanya menjadikan sumber alam (asli) seperti tanah, hutan dan mineral sebagai teras untuk menjayakan misi dan matlamat para pelabur. Kini, para pelabur semakin memberi tumpuan kepada sumber manusia sebagai modal untuk meraih keuntungan dan keselesaan maksimum. Ini bererti, entropi pembangunan ekonomi Malaysia juga telah mula dipindahkan kepada persekitaran sosial. Ruang bagi merancang pembangunan manusia pada masa hadapan menggunakan persekitaran fizikal di Malaysia, walaupun terkawal, kian menyempit. Kini fenomena dan hukum entropi yang sama sedang mengancam persekitaran sosial. Daya tampung persekitaran sosial Malaysia semakin terancam (Jadual 1).

Jadual 1 menunjukkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia 2000–2010. Kualiti hidup di Malaysia tahun 2000–2010 adalah berdasarkan indeks komposit. Tahun asas pengiraan adalah 2000 sebagai 100 peratus. Angka bagi 1990 hanya untuk tujuan perbandingan. Semakin tinggi nilai indeks daripada 100 peratus makin keadaan menjadi semakin baik. Begitulah sebaliknya. Jadual tersebut menunjukkan dengan agak ketara bahawa kualiti persekitaran fizikal dan sumber alam yang dinilai berdasarkan komponen kualiti udara, kualiti air permukaan dan keluasan kawasan yang masih berhutan, semakin bertambah baik dan terkawal. Bagaimanapun, status persekitaran sosial terutamanya yang diukur berdasarkan elemen keselamatan awam dan kehidupan berkeluarga, cenderung untuk tidak bersifat mapan.

**Jadual 1** Komponen indeks kualiti hidup Malaysia, 2000–2010

Tahun	Komponen											
	Pendidikan	Pengangkutan / Komunikasi	Perumahan	Kebudayaan	Pendapatan	Keselamatan Awam	Kesihatan	Penyertaan Sosial	Alam Sekitar	Kehidupan Keluarga	Persekitaran Kerja	Indeks Komposit
1990	88.2	90.6	79.9	92.0	88.4	125.2	89.3	95.1	107.3	94.9	80.8	93.8
2000	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
2001	101.0	102.3	102.2	95.1	97.7	103.0	99.7	101.0	101.2	100.3	99.3	100.2
2002	102.4	103.8	103.4	102.8	96.1	105.1	101.7	101.0	107.1	100.4	99.3	102.1
2003	104.1	105.4	103.8	99.8	96.9	104.5	104.4	102.3	107.9	101.3	101.0	102.8
2004	105.6	107.3	105.9	102.2	97.6	103.6	106.2	103.3	106.2	99.0	103.0	103.6
2005	106.0	115.2	108.0	104.5	102.3	109.0	106.9	96.8	105.3	97.2	101.2	108.8
2006	108.3	108.9	110.8	104.8	107.4	105.9	108.1	96.1	98.7	100.0	103.5	105.0
2007	111.1	110.9	108.4	106.5	112.2	104.9	107.8	101.6	100.3	99.0	106.5	106.3
2008	115.3	113.4	111.7	108.6	112.3	107.7	108.4	103.5	101.9	101.0	105.7	108.1
2009	117.9	115.9	113.3	110.3	112.1	107.8	109.1	106.1	100.9	100.8	103.5	108.9
2010	120.4	120.3	115.7	113.5	113.3	110.8	110.5	110.1	106.6	104.6	104.6	111.9

Sumber: UPEN (2012)

## Kualiti alam sekitar

Pada beberapa dekad yang lalu, pembangunan ekonomi Malaysia telah banyak mengancam status alam sekitar dalam bentuk kehabisan sumber mineral, kepupusan spesies flora dan fauna, kemusnahan tanah pertanian, kemerosotan kualiti sumber udara dan air. Kini, setelah kesedaran semakin meluas, terutamanya akibat kebimbangan berlakunya fenomena perubahan suhu dan iklim dunia, pelbagai usaha dilakukan untuk memulihara persekitaran dan sumber alam yang masih ada. Kualiti persekitaran fizikal di Malaysia kian bertambah baik (Jadual 2).

**Jadual 2** Kualiti persekitaran fizikal di Malaysia 1990–2010

Komponen/Indikator	1990	1995	2000	2005	2010
Indeks Kualiti Udara (% stesen IPU <50)	75.0	83.0	84.3	84.2	86.1
Indeks Kualiti Air (% sungai bersih yang dipantau)	53.0	42.0	28.0	55.0	51.0
Kawasan Tanah Berhutan (% daripada keluasan kawasan)	59.0	58.0	56.0	55.0	56.3

Sumber: Diubahsuai daripada UPEN (2012)

Kajian yang dilakukan di Malaysia menunjukkan bahawa Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Malaysia umumnya sederhana baik walaupun dalam tempoh 2006–2009 atmosfera Malaysia agak berjerebu akibat pembakaran hutan dan ladang yang tidak terkawal sehingga berlaku pencemaran udara rentas sempadan antarabangsa. Dalam keadaan biasa, stesen kaji cuaca yang ditempatkan di bandar-bandar terpilih di Malaysia rata-rata masih merekodkan IPU yang agak baik dan sihat. Misalnya pada 2005, IPU bagi Bandaraya Kuala Lumpur adalah sederhana sihat sahaja (75). Ini kerana bandar raya tersebut terdedah kepada pelbagai sumber pencemaran udara. Sumber utama pencemaran udara di bandar besar adalah kenderaan berenjin yang bergerak (JAS, 2008). Begitu juga bandar besar yang lain. Rekod kualiti air sungai di Malaysia pula cenderung untuk turun-naik, agak tidak bersih pada tahun 2000 namun lebih banyak yang bersih sejak 2005. Trend kini umumnya semakin baik. Daripada 146 batang sungai yang dipantau pada 2005, bilangan sungai yang tercemar didapati semakin menurun. Sebaliknya bilangan sungai yang airnya bersih semakin meningkat. Peningkatan ini semakin ketara sejak 2001 apabila usaha memantau kualiti air sungai berkenaan dilakukan dengan lebih serius dan berkesan. Proses pengawalan dan pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar menggunakan pelbagai pendekatan perundungan dan bukan perundungan seperti Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Teknologi Hijau Negara dan Dasar Perubahan Perubahan Iklim Negara, telah memberi kesan yang positif kepada kualiti udara dan air sungai di negara ini.

Keberkesanan dasar dan pelbagai langkah kerajaan untuk mengatasi ancaman alam sekitar dan sumber alam juga dapat dilihat berdasarkan status semasa keluasan hutan di Malaysia. Walaupun keluasan hutan semakin menurun daripada 59.0 peratus pada 1990 kepada 56.3 peratus pada 2010 kerana Malaysia masih perlu memanfaatkan

hutan dan tanah pertanian sebagai salah satu sumber pendapatannya, namun secara keseluruhannya kadar kemerosotan keluasan hutan semakin menurun dan terkawal. Pelaksanaan Dasar Pengurusan Hutan Mampan dan inisiatif lain seperti projek Central Forest Spine di Semenanjung Malaysia dan Heart of Borneo di Sabah dan Sarawak, telah menunjukkan kesan kelestarian yang menggalakkan.

Secara keseluruhannya, berlaku penambahbaikan yang ketara dalam pengurusan sumber alam dan alam sekitar di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa kekritikalaman sekitar fizikal telah dapat dikurangkan walaupun entropi fizikalnya tetap menyusut. Selain itu, pemilihan tiga penunjuk sebagai bukti kelestarian alam sekitar di Malaysia, walaupun mencukupi tetapi belum cukup komprehensif. Misalnya, kualiti air permukaan hanya berasaskan kepada bacaan air sungai di stesen terpilih. Air permukaan meliputi air tasik, kolam, telaga dan air dalam tanah. Air laut (marin) juga memerlukan penilaian yang tersendiri. Begitu juga bagi kualiti udara. Indeks Pencemaran Udara (IPU) hanya merekodkan kualiti udara berdasarkan kandungan bahan terampai di stesen di kawasan bandar. Dimensi impak yang lain seperti keselesaan termal, pemanasan setempat dan juga termasuk pencemaran bau, tidak diliputi. Manakala status kemerosotan kepelbagaiannya biologi meliputi skop yang luas yang juga perlu pengukuran melebihi daripada kepupusan spesies akibat kemusnahan hutan. Ini belum lagi mengambil kira kepelbagian sumber mineral seperti emas, bijih timah, petroleum dan gas asli yang semakin habis bekalannya.

## **Status persekitaran sosial**

Penekanan sumber manusia sebagai penjana ekonomi perkhidmatan termaju pada abad baru ini sudah mula menjelaskan daya tampung persekitaran sosialnya. Keadaan ini seolah-olah membuktikan kebenaran pandangan bahawa entropi persekitaran sosial akan mengambil alih persekitaran fizikal yang telah mengalami kemerosotan daya tampungnya. Di Malaysia, beberapa indikator sudah mula menampakkan tandatanda menyokong hakikat tersebut. Jadual 3 memberikan gambaran awal tentang kemerosotan entropi persekitaran sosial di Malaysia.

Jika kualiti hidup dan kesejahteraan sosial masyarakat Malaysia hanya dinilai berdasarkan pencapaian dan kemajuan ekonomi seperti pendapatan per kapita, tahap kesihatan, tahap pendidikan, keadaan persekitaran tempat kerja, bilangan isi rumah, penyediaan rumah kediaman, bekalan air dan elektrik, akses kepada kemudahan internet, penyertaan sosial, kemudahan pengangkutan dan kebudayaan, maka masyarakat negara ini sudah hampir standing dengan negara maju. Namun, kemajuan ekonomi tidak menjamin sepenuhnya kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat yang sebenar. Banyak komponen sosial dan indikator kehidupan lain yang tidak sepenuhnya bersifat ekonomi seperti kemalangan jalan raya, kejadian jenayah, jenayah juvana dan kadar perceraian turut mempengaruhi tahap kesejahteraan sosial dan kualiti hidup sesebuah masyarakat. Di Malaysia, komponen tersebut menunjukkan trend yang agak membimbangkan. Bagi tempoh 2005-2007 sahaja, jumlah kes jenayah (berat

dan jenayah lain) meningkat 33 peratus dari 157,459 kepada 209,599. Bagi jenayah berat, kategori samun merupakan yang paling kerap berlaku (50 %) daripada jumlah kes jenayah berat yang dilaporkan. Ini diikuti oleh jenayah mencederakan orang lain dan seterusnya insiden rogol juga dianggap antara yang kerap dilaporkan. Lebih membimbangkan kerana dalam tempoh 2005-2010, jenayah rogol yang melibatkan mangsa remaja bawah umur seramai 9,575 orang lebih ramai berbanding mangsa dalam kategori umur yang lain. Ini menunjukkan golongan remaja semakin terdedah kepada jenayah rogol. Bagi jenayah tidak berat, trendnya juga turut meningkat (29 %) dari 135,326 pada 2005 kepada 174,440 pada 2007. Curi kenderaan, khususnya motorsikal adalah jenayah yang paling kerap dilaporkan (hampir 49 peratus daripada keseluruhan jenayah tidak berat). Ini diikuti oleh curi harta dan pecah rumah pada waktu malam. Turut kerap dilaporkan adalah jenayah ragut (PDRM, 2011).

**Jadual 3** Status persekitaran sosial terpilih: Keselamatan awam dan keluarga

Komponen/Indikator	1990	1995	2000	2005	2010
Kadar jenayah (Bagi setiap 1,000 penduduk)	3.8	3.9	7.1	5.9	6.3
Kemalangan jalan raya (Setiap 1,000 kenderaan berdaftar)	19.4	23.6	23.7	22.2	21.2
Kadar perceraian (% kepada penduduk berumur 18-50 tahun)	0.14	0.13	0.13	0.16	0.22
Kadar jenayah juvana dilaporkan (% kepada penduduk berumur 10-18 tahun)	0.05	0.07	0.12	0.15	0.06

Sumber: Diubahsuai daripada UPEN (2012)

Kadar jenayah umumnya masih pada aras yang tinggi, walaupun dikatakan menurun dari 211,645 kes pada tahun 2008 kepada 209,817 kes pada tahun 2009 dan 177,520 kes pada tahun 2010, namun pola keseluruhan masih membimbangkan dan menjelaskan kualiti hidup dan tahap kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Keadaan ini dapat dirasakan dengan ketara apabila seseorang memasuki kawasan kejiraninan bandar besar termasuk Lembah Klang-Langat, Johor Baharu dan Pulau Pinang, pagar rumah semakin kelihatan teguh, tingkap dan pintu dipasang gril besi, ditambah pula dengan penggunaan alat penggera di kebanyakan rumah khususnya di kawasan perumahan kos sederhana dan mewah, pintu masuk utama dihadkan kepada satu dan dikawal 24 jam dan tidak kurang yang diawasi melalui kamera litar. Semua itu dilakukan sebagai usaha mencegah jenayah di kejiraninan masing-masing. Penjenayah masa kini semakin berani bertindak nekad, bukan sekadar mencuri, tetapi lebih banyak melakukan rompakan bersenjata sekalipun pada waktu siang. Walaupun pihak berkuasa telah berusaha meningkatkan kawalan tetapi jenayah masih terus berlaku.

Gejala rasuah juga merupakan ancaman kepada keterusan tamadun manusia. Di Malaysia, gejala rasuah masih menghambat negara untuk mencapai matlamat menjadi negara maju. *Transperency International* (2011) meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-60 paling baik tahap pengawalan gejala korupsi daripada 183 buah negara di

dunia yang dikaji. Pada umumnya berlaku penurunan amalan korupsi di negara ini. Berdasarkan pencapaian skor 4.3 (2011), 4.4 (2010), 4.5 (2009), 5.1 (2008, 2007 dan 2005), 5.0 (2006 dan 2004), 5.2 (2003) dan 4.9 (2002) di mana skor 10.0 adalah yang terbaik yakni negara tanpa amalan korupsi dan 0.0 adalah skor terendah yakni negara yang dipenuhi dengan gejala korupsi. Amalan korupsi adalah gambaran kepada kelonggaran peraturan, pilih kasih, nepotisme dan ketakadilan serta ketakcekapan sistem urustadbir negara. Gejala ini berleluasa apabila masyarakat semakin tidak acuh kepada peraturan, memandang rendah nilai murni, lemah terhadap pegangan agama dan semua ini adalah petanda bahawa budaya Malaysia mulai tiris akibat persekitaran sosial yang tercemar.

Institusi keluarga sebagai teras pembangunan masyarakat di Malaysia juga kian rapuh. Hubungan kekeluargaan semakin longgar dan lebih parah lagi kes perceraian semakin meningkat. Statistik pendaftaran cerai mengikut negeri-negeri bagi tempoh 10 tahun (1990–2000) menunjukkan kadar perceraian dalam lingkungan 11,000–13,000 pasangan setahun. Jumlah terkumpul bagi sepuluh tahun (1990–2000) yang bercerai ialah 129,280 pasangan. Purata perceraian setahun ialah 12,928 pasangan. Kes perceraian dilaporkan terus meningkat. Bagi tempoh 2000–2010 sejumlah 197,120 pasangan telah bercerai, setiap tahun antara 13,000 hingga 28,000 pasangan bercerai. Purata perceraian bagi tempoh tersebut adalah 19,712 pasangan setahun. Kes perceraian banyak direkodkan di negeri Selangor (34,302), Kelantan (20,880), Johor (19,946) dan Kedah (18,954). Statistik juga menunjukkan bahawa bagi tempoh 20 tahun 1990–2010 terdapat 326,400 pasangan telah bercerai. Di peringkat negeri pula telah berlaku perubahan kadar perceraian tertinggi iaitu pada tahun 1990–2000 kadar cerai tertinggi ialah Kelantan namun bagi 2000–2010 negeri yang mempunyai kadar perceraian tertinggi ialah Selangor. Perubahan ini mungkin menjurus kepada pola kemajuan sesbuah negeri berkenaan. Sejak tiga tahun kebelakang (2007–2010), kadar perceraian melebihi tahap 22,000 pasangan setahun. Bahkan pada tahun 2009 dan 2010 angka tersebut meningkat sehingga 28,000 pasangan (JAKIM, 2012). Hal ini cukup untuk memberi gambaran bahawa institusi keluarga di Malaysia kian rapuh dan celaru. Walaupun pelbagai program pra-perkahwinan seperti *SMARTSTART*, *Parenting @work* dan kursus KASIH, namun kes perceraian masih terus berada pada aras tinggi, sama seperti yang sedang berlaku di negara barat.

Kerapuhan institusi keluarga sering juga dikaitkan dengan gejala sosial yang lain seperti kehamilan di luar perkahwinan dan kes pembuangan bayi. Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPN, 2011) merekodkan bahawa bilangan anak kelahiran di luar nikah (perkahwinan) telah meningkat dengan ketara sejak lima tahun kebelakangan ini. Pada 2006, sejumlah 38,258 anak luar nikah telah dilaporkan di jabatan ini. Bilangan keseluruhannya meningkat kepada 44,234 pada 2007, 46,822 pada 2008, 52,378 pada 2009 dan seterusnya 52,928 pada 2010. Etnik lain dan orang Melayu merupakan peratusan terbesar (lebih 75%) kes tersebut. Kes kehamilan di luar nikah sangat berkait rapat insiden pembuangan bayi. Ramai mangsa kehamilan di luar nikah tidak melaporkan sama ada kehamilan atau kelahiran bayi mereka kepada institusi

berkaitan. Sebilangan mangsa bertindak bersendiri membuang bayi yang lazimnya kerana mahu melindungi perbuatan ‘terlanjur’ (zina) mereka. Antara 2004 dan 2010 sebanyak 576 orang bayi telah dibuang di seluruh negara. Kes tertinggi dicatatkan pada tahun 2008 iaitu 102 orang. Ini diikuti oleh tahun 2010 (91 orang), tahun 2006 (83 orang), tahun 2004 (78 orang), tahun 2007 (76 orang) dan tahun 2005 (67 orang) dengan purata kes pembuangan bayi 82 orang setahun. Perbuatan membuang bayi banyak melibatkan golongan remaja. Kedua-dua kes, kehamilan di luar batas perkahwinan dan pembuangan bayi melibatkan perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan di Malaysia, perbuatan tersebut tidak dapat diterima kerana bertentangan dengan norma, peraturan dan ajaran agama, khususnya agama Islam. Perbuatan sedemikian secara jelas menunjukkan kelonggaran pegangan terhadap ajaran agama, norma murni dan peraturan masyarakat secara amnya.

## Pendekatan baru

Persekutaran sosial di Malaysia telah tercemar. Ini menguatkan lagi hakikat bahawa budaya masyarakat negara ini telah tiris dan celaru. Kemaraan arus globalisasi ekonomi yang deras membawa bersamanya pelbagai elemen liberalisme, bukan sahaja dalam aktiviti perdagangan tetapi juga dalam hubungan sosial. Langit yang kian terbuka memudahkan pengaliran pengaruh budaya songsang dan budaya kuning ke negara ini. Ini menyebabkan pencemaran budaya tradisional yang bersendikan agama, khususnya Islam. Kelonggaran pegangan terhadap ajaran agama Islam meninggikan risiko ketirisan budaya seseorang individu di negara ini. Perubahan ini perlu disedari oleh semua pihak. Suatu pendekatan baru untuk menangani masalah ini perlu dibentuk segera. Pendekatan itu sewajarnya bersendikan hukum dan peraturan yang unggul seperti yang terkandung dalam literatur agung, khususnya yang berteraskan literatur Islam (al-Quran, hadith, rekod tentang ijmak ulamak dan qias serta pengalaman sejarah) yang telah meletakkan semua prinsip asas bagi memakmurkan alam.

Konsep pembangunan lestari yang mengandungi banyak nilai universal umumnya telah diterima oleh semua pihak. Penerapannya memang kurang disenangi oleh golongan yang mementingkan keuntungan semata-mata kerana konsep tersebut meningkatkan kos dan melambatkan proses pengeluaran. Ini kerana pengusaha terpaksa membayar pelbagai kos tambahan dan melepas pelbagai tapisan pengeluaran. Jika agenda pembangunan lestari disepadukan pula dengan amalan memakmurkan alam, sudah pasti kebencian dan tentangan pihak yang berkepentingan akan meningkat. Pihak berkepentingan yang hanya mementingkan kecekapan, sama ada dalam proses eksloitasi, pemprosesan, pembuatan ataupun penggunaan, tidak rela untuk menambah beban dalam proses pengeluaran kerana ia mengurangkan kecekapan, kecekapan bermakna daya saing yang tinggi. Sedangkan kelestarian dan pemakmurkan alam boleh menghambat kecekapan dan seterusnya mengurangkan keuntungan. Justeru itu, amalan memakmurkan alam adalah suatu pendekatan melawan arus.

Pihak yang berkepentingan yang mencengkam ekonomi global, sudah pasti tidak akan merestui penerapan amalan pemakmurkan alam dalam pembangunan negara. Ini kerana pembangunan melalui pendekatan pemakmurkan alam yang berasaskan hukum, peraturan tentang dosa dan pahala serta kehidupan selepas mati, mengetengahkan idea yang dikatakan berunsur dogmatik. Pendekatan seperti ini yang sudah sejak sekian lama (sewal abad ke 18) ditolak atau ditinggalkan, sudah pasti tidak mendapat tempat dalam arus pembangunan moden hari ini. Para pengamal pendekatan saintifik positivisme yang menolak wahyu sudah pasti akan menganggap amalan memakmurkan alam sebagai suatu pendekatan yang berbalik ke belakang. Pandangan dan amalan ini perlu diperbetulkan.

Sebuah tamadun manusia yang unggul perlu dibina melalui suatu pendekatan pembangunan yang baru. Pendekatan itu hanya dapat tertegak di atas tapak budaya yang sihat yang manusianya unik dan memiliki jati diri yang tinggi. Pendekatan pembangunan melalui amalan memakmurkan alam memenuhi ciri dan citarasa tersebut. Walaupun pendekatan ini melawan arus dan tidak disenangi oleh ‘tangan halimunan’ yang berkepentingan, ia adalah selari dengan fitrah penciptaan alam dan kehidupan itu sendiri. Pendekatan ini sebenarnya adalah atas kepada gagasan pembinaan sebuah tamadun besar. Gagasan ini memerlukan manusia, selain bersahsiah tinggi, juga berjiwa besar, merdeka dan ketakwaan yang tinggi, untuk melaksanakannya. Hanya manusia yang mempunyai martabat ketakwaan yang tinggi mampu menegakkan tamadun agung. Bukan sekadar mampu menyekat amalan korupsi, nepotisme, jenayah, tetapi juga berjiwa besar, berkeluarga yang mantap dan sehingga lahir daripadanya insan yang kamil tuggak generasi yang bersahsiah lebih gemilang. Jika belum ada di negara ini, generasi itu perlu dicitakan, dibentuk dan dilahirkan melalui suatu sistem pengasuhan dan pendidikan yang lebih holistik di bawah naungan dan bimbingan rabbani.

## Kesimpulan

Artikel ini adalah suatu wacana tentang perubahan budaya yang mendampak alam dan kehidupan manusia. Budaya manusia hari ini telah tiris akibat perubahan yang pesat sejak satu abad kebelakangan ini. Pelbagai tindakan manusia hari ini telah secara langsung mendampak kepada alam dan kehidupan manusia sendiri. Degradasikan alam sekitar kini merupakan fenomena global. Impak sosialnya juga tidak sedikit. Di Malaysia hal yang serupa berlaku. Walaupun dampak alam sekitar semakin terkawal tetapi sifatnya tidak menyeluruh. Alam sekitar di negara ini masih terancam. Begitu juga status sosial kehidupan penduduk negara ini. Kualiti hidup masyarakat negara ini semakin merosot akibat meningkatnya ancaman jenayah dan keruntuhan institusi keluarga. Peluang untuk memperbaiki keadaan ini masih ada. Namun ia terletak kepada keupayaan masyarakat untuk menerima pendekatan baru yang berasaskan amalan memakmurkan alam. Generasi baru perlu dibina di atas budaya sihat yang mampu mendokong dan merealisasikan pendekatan tersebut. Pendekatan ini lebih holistik

sifatnya berbanding pendekatan lestari dan pendekatan masyarakat sivil yang beracuan Barat. Hanya dengan melalui pendekatan tersebut penyusutan entropi persekitaran fizikal dan sosial dapat diperlakukan. Daya tampung persekitaran fizikal dan sosial dapat dipertahankan. Mudah-mudahan dengan yang demikian risiko terjadinya malapetaka persekitaran fizikal dan sosial dapat dikurangkan.

## Rujukan

- Abdelhelim Elbashir El-Farouk. (1996). Economic and social impact of environmental degradation in Sudanese forestry and agriculture. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 23(2), 167–82.
- Bartolini, S. & Banotti, L. (2002). Environmental and social degradations as the engine of economic growth. *Ecological Economics*, 43 (1), 1–16.
- Berkes, F., Colding, J. & Folke, C. (2000). Rediscovery of traditional ecological knowledge as adaptive management. *Ecological Applications*, 10(5), 1251–1262.
- Biel, R. (2006). The interplay between social and environmental degradation in the development of the international political economy. *Journal of World Systems Research*, XII (1), 109–147.
- Brooks, E. & Emel, J. (1995). The Llano Estacado of the American southern high plains, dalam Kasperson, J.X., Kasperson, R.E. & Turner, B.L.II (pnyt.) 1995. *Region at risk: Comparisons of threatened environments*. Tokyo: United Nation University Press.
- CIA World Factbook. (2011). Central Inteligence Agency: The world Factbook. Diakses daripada <https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/> (9 Okt 2012)
- Cutters, S. L., Renwick, H. L. & Renwick, W. H. (1999). *Exploitation, conservation and preservation: A geographic perspective on natural resources use*. New York: John Wiley.
- Divorcereform.org. (2011). Americans for divorce reform. Diakses daripada <http://www.divorcereform.org/> pada 30 Okt 2012.
- EICPCI. (2011). European Institute for Crime Prevention and Control. Helsinki: International Statistics on Crime and Justice. Diakses daripada <http://www.heuni.fi/> pada 30 Okt 2012.
- EIA. (2011). U.S. Energy Information Administration, Annual Energy Outlook 2011. Diakses daripada [http://www.eia.gov/oiaf/aeo/aeoref\\_tab.html](http://www.eia.gov/oiaf/aeo/aeoref_tab.html) pada 23 Okt 2012.
- FAO. (2010). News Realease, FAO FAQs on Hunger. Diakses daripada [http://www.fao.org/index\\_en.htm](http://www.fao.org/index_en.htm). pada 15 Okt 2012.
- Frank, A. G. (1978). *World accumulation, 1492–1789*. London: MacMillan.
- Frank, A.G. (1979). *Dependent accumulation and underdevelopment*. New York: Monthly Review Press.
- Grossman, G. M. & Krueger, A. B. (1995). Economic growth and the environment. *The Quarterly Journal of Economics*, 110 (2), 353–377.
- Hong Jiang, Peiyuan Zhang, Du Zheng, & Fenghui Wang. (1995). The Ordos Plateau of China, dalam Kasperson, J.X., Kasperson, R.E. & Turner, B.L.II. (pnyt.). 1995. *Region at risk: Comparisons of threatened environments*. Tokyo: United Nation University Press.
- Howitt, R. (2001). *Rethinking resources management: justice, sustainability and indigenous peoples*. New York: Routledge.
- IFAD. (2011). International Fund for Agricultural Development. Diakses daripada <http://www.ifad.org/>. pada 30 Okt 2012.
- IMF. (2010). International monetary fund: The poorest countries in the world. Global database. Diakses daripada <http://www.gfmag.com/tools/global-database/economic-data/10502-the-poorest-countries-in-the-world.htm> pada 1 Nov 2012.

- JAKIM. (2012). Kes perceraian di Malaysia 2010. Institut Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri. Diakses daripada <http://www.islam.gov.my/> pada 30 Okt 2012.
- JAS. (2008). Jabatan Alam Sekitar. Diakses daripada <http://www.doe.gov.my/portal/> pada 1 Nov 2012.
- JPN. (2011). Jabatan Pendaftaran Negara. Diakses daripada <http://www.jpn.gov.my/sites/default/files/pdf>. pada 1 Nov 2012.
- Kasperson, J. X., Kasperson, R. E. & Turner, B. L. II (pnyt.). (1995). *Region at Risk: Comparisons of threatened environments*. Tokyo: United Nation University Press.
- Kasperson, J. X., & Kasperson, R. (pnyt.) (2001). *Global Environmental Risk*. New York: United Nations University Press.
- Koku, John Ernest. (2001). Socio-cultural factors and land degradation in the South Tongu District of Ghana: Some implications for resource protection and environmental health. *Journal of Environmental Planning and Management*, 44 (3), 309–330.
- Kottak, C. P. (2004). An anthropological take on sustainable development: A comparative study of change. *Human Organization*, 63(4), 501–510.
- Lefebvre, H. (1991). *The production of space*. Oxford: Blackwell.
- Levine, D. (pnyt.). (1971). *Simmel: On individuality and social forms*. Chicago: Chicago University Press.
- Luxemburg, R. (1951). *The accumulation of capital*. London: Routledge & Kegan Paul.
- OECD. (2005). Organisation for economic cooperation and development. Health data. Diakses daripada <http://www.oecd.org/> pada 5 Nov 2012.
- PDRM. (2011). Statistik Polis Diraja Malaysia & Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysia Police College. Diakses daripada <http://www.rmp.gov.my/> pada 5 Nov 2012.
- Potter, L., Brookfield, H. & Yvonne Byron. (1995). The eastern Sundaland region of Southeast Asia, dalam Kasperson, J. X., Kasperson, R. E. & Turner, B. L. II (pnyt.) *Region at risk: Comparisons of threatened environments*. Tokyo: United Nation University Press.
- Rocheleau, D., Benjamin, P. & Diang'a, A. (1995). The Ukambani region of Kenya, dalam Kasperson, J. X., Kasperson, R.E. & Turner, B. L. II (pnyt.) 1995. *Region at risk: Comparisons of threatened environments*. Tokyo: United Nation University Press.
- Smulders, S. (2000). Economic growth and environmental quality, dalam H. Folmer & G. H. Gabel (pnyt.), *Principles of environmental and resource economics*. Edward Elgar: Cheltenham.
- Transparency International. (2011). 'Corruption Perceptions Index'. *Transparency International*. Diakses daripada [http://www.transparency.org/policy\\_research/surveys\\_indices/cpi](http://www.transparency.org/policy_research/surveys_indices/cpi) pada 1 Nov 2012.
- UNICEF. (2011). Innocenti Research Centre. Diakses daripada [http://www.nationmaster.com/graph/peo\\_tee\\_bir\\_rat-people-teenage-birth-rate](http://www.nationmaster.com/graph/peo_tee_bir_rat-people-teenage-birth-rate) pada 1 Nov 2012.
- United Nations. (2011). The Eighth United Nations Survey on Crime Trends and the Operations of Criminal Justice Systems (2002), via NationMaster. Diakses daripada <http://www.un.org/en/>. (8 Nov 2012)
- UPEN. (2012). *Kualiti Hidup Malaysia 2011*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- WHO International. (2011). World Heatlh Organization. Diakses daripada <http://www.who.int/en/> pada 8 Nov 2012.
- World Resource Institute. (2003). Annual Report. Diakses daripada <http://www.wri.org/publication/wri-annual-report> pada 1 Nov 2012.